

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]

SOALAN NO 31

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan ke atas perdagangan Malaysia akibat daripada penerusan perang dagang Amerika Syarikat dan China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Adalah dijangkakan bahawa negara berpotensi mengalami impak tidak langsung berikutan kedudukan Malaysia di dalam rantaian nilai global (*global value chain*). Antaranya adalah gangguan dalam rantaian bekalan untuk produk perantaraan (*intermediate goods*) yang dieksport secara langsung ke Amerika Syarikat dan produk yang dieksport ke Amerika Syarikat melalui Republik Rakyat China (China).

2. Impak ketegangan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia antaranya seperti berikut:

- i) eksport langsung produk Malaysia ke Amerika Syarikat yang disebabkan oleh pelaksanaan tarif perlindungan (*safeguard duties*) terhadap barangan terpilih, termasuk eksport produk-produk utama Malaysia ke Amerika Syarikat; dan
- ii) eksport Malaysia ke China bagi produk perantaraan (*intermediate goods*) memandangkan produk tersebut menyumbang kepada eksport produk siap ke Amerika Syarikat, atau lain-lain pasaran eksport di negara ketiga.

3. Perang perdagangan tersebut juga telah menawarkan peluang kepada Malaysia daripada beberapa segi seperti berikut:

- i) kemungkinan bahawa Amerika Syarikat akan menggantikan produk-produk import China (*Chinese imports*), dengan produk-produk dari negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia; dan
- ii) kemungkinan berlakunya lencongan pelaburan (*investment diversion*) oleh syarikat-syarikat besar China dan syarikat-syarikat multinasional (*MNCs*) ke rantau ASEAN dalam jangkamasa panjang bagi mengelak kesan langsung pengenaan tarif tambahan oleh Amerika Syarikat ke atas China. Oleh itu, lencongan pelaburan atau penempatan semula pelaburan (*investment relocation*) secara tidak

langsung akan menggalakkan perdagangan dan pengaliran masuk pelaburan ke negara-negara lain, khususnya di sekitar Asean yang merangkumi Malaysia.

4. Bagi jangkamasa pendek industri-industri tempatan perlu melihat impak perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China secara positif serta wajar merebut peluang-peluang eksport ke Amerika Syarikat bagi memenuhi permintaan Amerika Syarikat yang semakin meningkat bagi menggantikan produk-produk China. Pengeksport Malaysia harus mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif dan agresif bagi meletakkan negara sebagai pembekal alternatif terutama barangan komponen elektrik dan elektronik, jentera dan peralatan, produk kimia, peralatan optik dan saintifik serta lain-lain produk dan perkhidmatan yang bersaing dengan China di pasaran Amerika Syarikat.

5. Memandangkan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China masih berterusan, Kementerian ini dan agensi seperti MIDA dan MATRADE telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengurangkan kesan risiko konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan China ke atas perdagangan dan pelaburan Malaysia. Langkah-langkah yang diambil antaranya mensasarkan lebih banyak pelaburan yang berkualiti di Malaysia, termasuk pelaburan yang mempunyai nilai tambah tinggi, berorientasikan eksport, pemimpin pasaran (*market leader*), berteknologi tinggi, mewujudkan komponen R&D di Malaysia, menggunakan teknologi hijau serta berjenama global yang berupaya menjana pertumbuhan ekonomi negara serta menawarkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat. Antara sumber baru peluang-peluang pelaburan di Malaysia termasuk *Circular Economy*, Industri 4.0, Ekonomi Digital dan e-Perdagangan (*e-Commerce*).

Sekian, terima kasih.